

The Observer

25.08.2023

❖ **Mendorong generasi muda menyertai pasaran saham**

Suka atau tidak, pasaran modal Malaysia memerlukan suntikan minat daripada golongan belia untuk kekal cergas dan progresif.

Seperti yang didebak oleh Pengurus Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (Securities Commission, SC), Datuk Seri Dr Awang Adek Hussin, pelabur yang berumur 45 tahun dan ke bawah hanya merangkumi 7% daripada jumlah pelabur dalam pasaran saham. Bilangan pelabur dalam julat usia 20 hingga 30 tahun pula diramalkan lebih rendah.

Walaupun hanya sebahagian kecil daripada pelabur dalam pasaran saham berumur di bawah 45 tahun, kebanyakannya remisier dalam industri broker saham berumur 50 tahun dan ke atas.

"Industri pasaran modal amat memerlukan suntikan kelompok baharu seperti generasi muda sama ada sebagai pekerja mahupun pelabur. Satu keimbangan mengenai masa depan industri pembrokeran saham ialah golongan muda tidak berminat untuk menyertai industri itu," kata beliau dalam sebuah acara baru-baru ini.

Tidak dinafikan, terdapat keperluan untuk menarik lebih ramai golongan muda untuk melabur dalam pasaran modal Malaysia bagi memastikan ia kekal rancak pada masa akan datang.

"Bagi mereka yang berusia antara 20 dan 30 tahun (pelabur yang benar-benar muda), jumlahnya mestilah sangat kecil," kata Awang Adek. "Oleh itu, kita memerlukan eksekutif muda untuk menarik pelabur muda. Mereka lebih pintar dari segi teknologi dan lebih memahami satu sama lain."

Tidak banyak yang tinggal untuk dilaburkan

Penyertaan pasaran saham yang rendah daripada golongan belia dikaitkan dengan beberapa perhatian. Pertama, belia mempunyai baki pendapatan yang sedikit sebagai simpanan atau pelaburan selepas berbelanja untuk keperluan.

Penemuan itu disokong oleh data terkini daripada Jabatan Perangkaan Malaysia (Department of Statistics Malaysia, DOSM), yang menyatakan bahawa setakat Mac 2023, pekerja berumur antara 20 dan 39 tahun merekodkan median gaji bulanan

antara RM1,682 dan RM3,282¹. Sehingga Mac 2023, kira-kira 62.5% (atau 4.03 juta) daripada 6.45 juta pekerja formal di Malaysia berumur antara 20 dan 39 tahun.

Sebagai perbandingan, nilai median tertinggi merentas semua kumpulan umur dicatatkan oleh pekerja berumur 40 – 49 tahun dengan RM3,500. Sebagai perspektif, Bank Negara Malaysia (BNM) menyatakan gaji untuk menyara kehidupan seorang dewasa bujang di Kuala Lumpur ialah RM2,700 (pada 2018) dan RM4,500 bagi pasangan tanpa anak. Gaji untuk menyara hidup bagi pasangan yang mempunyai dua anak ialah RM6,500.

Selain itu, seperti yang diketengahkan oleh Tinjauan Pasaran Modal Belia 2022 (*Youth Capital Market Survey*) yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya Sekuriti, sebahagian besar pendapatan belia Malaysia dibelanjakan untuk makanan, perbelanjaan isi rumah dan pembayaran balik hutang. Ini meninggalkan mereka dengan sedikit pendapatan yang berbaki, yang digunakan mengikut budi bicara sebagai simpanan atau pelaburan.

Tinjauan SC itu juga mendapati golongan belia, terutama golongan berpendapatan rendah, kekurangan lebihan pendapatan yang mencukupi untuk pelaburan selepas mereka mengetepikan wang tunai untuk kecemasan. Belia Malaysia lebih suka menabung untuk kecemasan berbanding melabur. Mereka cenderung untuk menumpukan pada simpanan persaraan di hari kemudian. Sebaliknya, kumpulan berpendapatan tinggi lebih cenderung untuk melaburkan lebihan pendapatan mereka ke dalam kelas aset yang berbeza, termasuk ekuiti.

Sebenarnya, mereka menghadapi tekanan daripada masyarakat untuk menjaga ketrampilan yang baik. Ini bermakna lebih banyak yang dibelanjakan untuk dandan dan penjagaan diri. Selain itu, apabila mantra YOLO (kita hidup hanya sekali, *You only live once*) telah meresap ke dalam fikiran belia, tindakan mengawal perbelanjaan dengan menghadkan makan di luar, membeli-belah dan melancong membuatkan mereka berasa tidak dapat menikmati hasil usaha mereka.

Kajian itu dijalankan ke atas 1,003 belia yang berumur antara 18 hingga 40 tahun di seluruh negara. 29% daripada responden mempunyai pendapatan isi rumah bulanan antara RM2,000 dan RM2,999, diikuti oleh 35% dengan pendapatan antara RM3,000 dan RM4,999. 17% memperoleh antara RM5,000 dan RM6,999 sebulan, manakala selebihnya menerima gaji bawa pulang RM7,000 dan ke atas.

Pendedahan pelaburan sebenar

Sementara itu, bagi memupuk lagi kesedaran melabur dalam kalangan belia, pengurus SC turut mengumumkan bahawa syarikat-syarikat broker saham telah bersetuju untuk memperkenalkan skim pengangkatan.

Di bawah skim itu, setiap syarikat akan mengambil sebuah universiti ‘angkat’ untuk merancang dan bekerjasama dengan penuntut dan pensyarah bagi meningkatkan pemahaman serta kesedaran yang lebih mendalam terhadap pasaran modal. Sebagai contoh, syarikat boleh membantu pensyarah dalam merangka kursus berkaitan pasaran modal untuk diajar kepada penuntut.

¹ Laporan Statistik Upah Pekerja (Sektor Formal), Suku Pertama 2023, Jabatan Perangkaan Malaysia

“Usaha ini akan memperkaya pengalaman pembelajaran dalam kalangan penuntut dan mendedahkan mereka sejak awal lagi kepada cara kerja pasaran modal di samping meningkatkan kebolehpasaran mereka serta mengurangkan kerentanan mereka terhadap penipuan kewangan,” ujar Awang Adek.

Selain itu, syarikat yang mengambil bahagian juga boleh membantu pelajar dalam menubuhkan kelab pelaburan bagi menggalakkan kesedaran mengenai peluang pelaburan dalam pasaran modal.

“Saya berharap KPT (Kementerian Pengajian Tinggi) dan pihak universiti akan menerima idea baharu ini kerana saya yakin ini adalah selaras dengan hasrat Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan KPT untuk melihat kerjasama yang lebih baik antara pihak universiti dan industri,” tegas pengurus SC itu lagi. “Skim pengangkatan yang dicadangkan ini akan menambah dimensi baharu kepada kerjasama ini.”

Kesimpulan

Walaupun usaha untuk membugarkan pasaran modal Malaysia dengan suntikan minat belia amat penting bagi memastikan ia kekal cergas dan progresif, idea sebegini bagaimanapun akan berhadapan dengan cabaran pendapatan boleh guna yang rendah serta modal kemasukan yang tinggi yang diperlukan untuk saham berkualiti (iaitu, ekuiti cip biru).

Malah, dapatan daripada tinjauan oleh SC itu seterusnya mendedahkan bahawa hanya 3% daripada keseluruhan belia yang mengambil bahagian dalam tinjauan itu mempunyai selera risiko yang tinggi (iaitu, mempunyai keupayaan untuk berdepan kerugian atau meletakkan wang ke dalam pelaburan), manakala baki 97% mempunyai selera risiko yang sederhana hingga rendah. Selain itu, 70% responden menganggap stok/ saham sebagai produk pasaran modal paling berisiko.

Walau bagaimanapun, langkah inovatif seperti saham pecahan dan lot saham yang dikecilkkan boleh membantu meningkatkan penyertaan pelabur muda, memandangkan sumber kewangan mereka yang terhad dan keperluan untuk memenuhi selera mereka yang berisiko rendah. Mereka akan berpeluang menikmati saham yang bagus dengan perbelanjaan yang rendah.

Oleh Pasukan Pemantauan Korporat MSWG

Tinjauan Mingguan AGM/ EGM MSWG untuk tempoh 28 Ogos hingga 1 September 2023

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di www.mswg.org.my

Tarikh dan Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
28.08.23 (Isnin) 10.00 pagi	PCCS Group Berhad (AGM)	Pada tahun kewangan 2023, Kumpulan mencapai peningkatan

		<p>11.4% dalam pendapatan kepada RM463.4 juta dengan untung bersih yang lebih tinggi sebanyak RM10.2 juta.</p> <p>Bahagian Pakaian mencatatkan peningkatan jualan sebanyak 13.4%, manakala pendapatan daripada Bahagian Label dan Pembungkusan merosot sebanyak 89.2% tahun ke tahun. Pada masa yang sama, Kumpulan merekodkan keuntungan tidak berulang berjumlah RM6.0 juta daripada pelupusan anak syarikat. Di tengah-tengah cabaran yang berterusan dalam industri pakaian, Kumpulan mempelbagaikan perniagaannya kepada pembiayaan kredit dan sektor perubatan bagi meningkatkan daya tahan dan mengurangkan risiko turun naik pasaran.</p>
28.08.23 (Isnin) 10.00 pagi	Minetech Resources Berhad (AGM)	Pendapatan Minetech mencecah RM123.8 juta dan rugi sebelum cukai (<i>loss before tax</i> , LBT) berjumlah RM7.92 juta pada tahun kewangan 2023. Pendapatan meningkat 45% disebabkan oleh peningkatan sumbangan daripada bahagian Kejuruteraan Awam dan Produk Bitumen. Sementara itu, LBT menyusut kepada RM7.9 juta berbanding LBT sebanyak RM24.3 juta pada tahun kewangan 2022. LBT bagi tahun kewangan 2023 termasuk rosot nilai tidak berulang bagi muhibah dan penghutang lain berjumlah RM7.45 juta.
28.08.23 (Isnin) 10.00 pagi	Dominant Enterprise Berhad (AGM)	<p>Pendapatan Dominant pada tahun kewangan 2023 meningkat 19% kepada RM791.6 juta (tahun kewangan 2022: RM665.0 juta), terutamanya disebabkan oleh pendapatan yang lebih tinggi daripada segmen pengedaran produk kayu, yang mencatatkan pendapatan berjumlah RM644.8 juta (tahun kewangan 2022: RM499.2 juta).</p> <p>Walaupun landskap perniagaan semakin mencabar, yang mana kesemua segmen perniagaannya mencatatkan keputusan tahunan yang lebih rendah atau tidak</p>

		memberangsangkan, Kumpulan kekal mencatatkan keuntungan dengan untung sebanyak RM10.8 juta pada tahun kewangan 2023 (tahun kewangan 2022: RM33.4 juta).
28.08.23 (Isnin) 11.00 pagi	YLI Holdings Berhad (AGM)	<p>Pendapatan YLI bagi tahun kewangan 2023 menyusut kepada RM75.4 juta (tahun kewangan 2022: RM83.8 juta), sebahagian besarnya disumbangkan oleh permintaan yang rendah untuk produknya. Selain itu, jualan luar negara juga lebih rendah untuk MRPI Pipes di samping projek Langat 2 (di bawah Laksana Wibawa) yang mencapai penghujungnya.</p> <p>Pada tahun kewangan 2023, YLI mencatatkan keuntungan operasi sebanyak RM5.6 juta (tahun kewangan 2022: kerugian operasi RM4.7 juta), terutamanya disebabkan oleh keuntungan tidak berulang sebanyak RM15 juta daripada pelupusan tanah pegangan bebas.</p>
28.08.23 (Isnin) 03.00 petang	Power Root Berhad (AGM)	<p>Pendapatan Power Root bagi tahun kewangan 2023 meningkat 31% kepada RM455.8 juta disebabkan pelbagai faktor, antaranya jualan tempatan yang lebih tinggi serta semakan harga jualan produk.</p> <p>Sementara itu, untung bersihnya melonjak 126% kepada RM59.5 juta, hasil daripada pendapatan yang lebih tinggi serta penambahbaikan kecekapan operasi.</p>
29.08.23 (Selasa) 10.00 pagi	Ajinomoto (M) Berhad (AGM)	<p>Untung sebelum cukai, (<i>profit before tax</i>, PBT) Ajinomoto merosot sebanyak 34.6% tahun ke tahun pada tahun kewangan 2023 disebabkan lonjakan harga bahan mentah.</p> <p>Kenaikan kadar faedah dan kadar inflasi menyebabkan peningkatan kos sara hidup, seterusnya mempengaruhi kuasa beli pengguna.</p> <p>Syarikat akan terus memantau rantaian bekalannya terutama kos bahan serta pemasaran dan pengedaran produk bagi memenuhi jangkaan pelanggan dan kepuasan pengguna.</p>

		Syarikat berjaya berpindah ke kilangnya yang canggih dan mesra alam di Bandar Enstek dan telah beroperasi dengan lancar mulai Disember 2022.
29.08.23 (Selasa) 10.00 pagi	Powerwell Holdings Berhad (AGM)	Powerwell mencatatkan lonjakan 96.7% dalam pendapatan kepada RM159.1 juta pada tahun kewangan 2023, terutamanya didorong oleh kejayaan menyiapkan projek bernilai tinggi yang berkaitan papan suis bervoltan rendah (<i>low voltage</i> , LV) dan peralatan suis bervoltan sederhana (<i>medium voltage</i> , MV). Sementara itu, ia melaporkan untung sebelum cukai sebanyak RM8.50 juta, pemulihan yang luar biasa berbanding rugi sebelum cukai (<i>loss before tax</i> , LBT) sebanyak RM1.97 juta pada tahun kewangan 2022. Dalam tahun kewangan 2023, Kumpulan telah membuat pelaburan besar dalam mesin dan peralatan baharu yang bertujuan meningkatkan kecekapan pengeluaran serta mengurangkan kos.
29.08.23 (Selasa) 10.00 pagi	IJM Corporation Berhad (AGM)	Jika dikecualikan keputusan daripada operasi yang dihentikan, Kumpulan melaporkan peningkatan 3.7% dalam pendapatan yang disatukan pada tahun kewangan 2023 kepada RM4.57 bilion berbanding RM4.41 bilion tahun sebelumnya. Peningkatan ini disumbangkan oleh lonjakan pendapatan yang dicatatkan oleh bahagian Hartanah, Industri dan Infrastruktur. Seajar dengan itu, perolehan sebelum faedah, cukai, susut nilai dan pelunasan (<i>earnings before interest, tax, depreciation and amortization</i> , EBITDA) Kumpulan bagi operasi berterusan meningkat sebanyak 29.4% kepada RM1.06 bilion daripada RM822.22 juta pada tahun sebelumnya.
29.08.23 (Selasa) 11.00 pagi	SDS Group Berhad (AGM)	SDS menyaksikan prestasi yang kukuh pada tahun kewangan 2023 dengan peningkatan sebanyak 43.1% dalam pendapatan kepada RM283.7 juta. Segmen runcit dan segmen borong

		mencatatkan pertumbuhan pendapatan yang kukuh, masing-masing meningkat 60.2% dan 34.6%. Sementara itu, untung selepas cukai meningkat 134.3% kepada RM24.8 juta berikutan peningkatan margin untung kasar serta kawalan kos yang cekap.
29.08.23 (Selasa) 12.00 tengah hari	Mytech Group Berhad (AGM)	<p>Walaupun pendapatan Kumpulan menyusut berikutan pelupusan operasi hotel dan pesanan pelanggan yang lebih rendah daripada segmen pembuatan, MyTech mencapai untung sebelum cukai yang lebih tinggi sebanyak RM1.94 juta berbanding RM1.84 juta pada tahun kewangan 2022.</p> <p>Pada tahun kewangan 2023, MyTech menyertai satu perkongsian untuk mewujudkan kesedaran tentang kereta elektrik di Malaysia. Mereka menerima yuran insentif pembiayaan bersih sebanyak RM0.355 juta, yang mengimbangi pendapatan yang berkurangan.</p>
29.08.23 (Selasa) 10.30 pagi	YGL Convergence Berhad (AGM)	<p>Pendapatan YGL menyusut 14.6% kepada RM11.8 juta pada tahun kewangan 2023. Kerugian bersih meningkat kepada RM1.3 juta daripada RM0.1 juta pada tahun kewangan 2022.</p> <p>Segmen pelaksanaan perisian mencatatkan rugi bersih yang lebih tinggi sebanyak RM0.86 juta pada tahun kewangan 2023 (tahun kewangan 2022: RM0.16 juta) berikutan pendapatan yang menyusut 6.3% kepada RM5.23 juta.</p> <p>Sebaliknya, segmen pemasangan solar mencatatkan penurunan pendapatan sebanyak 20.2% kepada RM6.61 juta pada tahun kewangan 2023. Kerugian bersih meningkat kepada RM0.51 juta berbanding RM0.3 juta pada tahun kewangan 2022.</p>
29.08.23 (Selasa) 02.30 petang	ATA IMS Berhad (AGM)	Pada tahun kewangan 2023, kerugian bersih ATA meningkat kepada RM254.6 juta daripada RM12.2 juta pada tahun sebelumnya, apabila pendapatan menyusut 65% kepada RM915.8 juta

		<p>daripada RM2.6 bilion setahun lalu. Ini sebahagian besarnya disebabkan oleh penamatian kontrak syarikat dengan pelanggan utamanya iaitu Dyson.</p> <p>Sejak akhir tahun kewangan 2022, ATA telah melaksanakan langkah pengeciran saiz dan penjimatan kos yang meletakkannya dalam kedudukan kewangan yang lebih kukuh. Ini dipercayai dapat membolehkan Kumpulan memenuhi kewajipannya serta merebut peluang perniagaan baharu.</p>
29.08.23 (Selasa) 03.00 petang	Kumpulan Fima Berhad (AGM)	<p>Pendapatan Kumpulan pada tahun kewangan 2023 melonjak ke paras tertinggi sepanjang masa berjumlah RM709.75 juta, meningkat 3.8% berbanding tahun sebelumnya. Ia didorong oleh prestasi yang kukuh merentas sebahagian besar perniagaan terasnya.</p> <p>Bagaimanapun, untung sebelum cukai (PBT) Kumpulan berjumlah RM119.29 juta, menyusut 35.6% berbanding tahun sebelumnya, terutamanya disebabkan oleh penurunan PBT daripada bahagian perladangan dan makanan.</p>
30.08.23 (Rabu) 09.30 pagi	Green Packet Berhad (AGM)	<p>Kumpulan mengalami kerugian sejak lima tahun kewangan yang lalu. Namun, rugi berjumlah RM62.642 juta bagi tempoh kewangan 15 bulan berakhir 2023 adalah lebih rendah berbanding rugi berjumlah RM147.98 juta pada tempoh kewangan berakhir 2021.</p> <p>Kumpulan telah melupuskan perniagaannya yang bukan teras, meneroka bidang baharu dengan pertumbuhan margin yang tinggi, memperkemas operasinya serta memberikan tumpuan terhadap perniagaan terasnya dalam perkhidmatan Teknologi Kewangan (<i>Financial Technology, FinTech</i>), Teknologi Hartanah (<i>Property Technology, PropTech</i>) dan Kandungan Komunikasi & Infrastruktur (<i>Communications Content and Infrastructure, CCI</i>).</p>

30.08.23 (Rabu) 10.00 pagi	QL Resources Berhad (AGM)	<p>Kumpulan sekali mencapai pertumbuhan pendapatan tahunan tanpa gangguan, dengan pertumbuhan pendapatan sebanyak 19.2% kepada RM6.24 bilion (tahun kewangan berakhir 2022: RM5.24 bilion) disumbangkan oleh permintaan yang kembali normal selain harga jualan unit yang lebih tinggi.</p> <p>PBT Kumpulan meningkat selaras dengan pertumbuhan pendapatan, meningkat 49.7% kepada RM480.83 juta (tahun kewangan berakhir 2022: RM321.21 juta) apabila margin kembali normal selepas menyusut pada tahun lepas. Peningkatan ini didorong oleh usaha untuk meningkatkan produktiviti dan kecekapan serta subsidi kos.</p>
30.08.23 (Rabu) 10.00 pagi	Panasonic Manufacturing Malaysia Berhad (AGM)	<p>Pendapatan Panasonic meningkat 14% tahun ke tahun kepada RM991.6 juta pada tahun kewangan 2023, didorong oleh pembukaan semula pasaran secara sepenuhnya serta pemenuhan pesanan yang tertunggak akibat kejadian banjir pada Disember 2021 di salah sebuah kilangnya.</p> <p>Untung sebelum cukai melonjak 72.2% kepada RM91.3 juta, disumbangkan oleh pendapatan yang lebih tinggi, peningkatan RM5.6 juta dalam pendapatan faedah berikutan kenaikan kadar faedah serta tuntutan insurans tidak berulang berkaitan insiden banjir sebanyak RM22.3 juta.</p>
30.08.23 (Rabu) 10.00 pagi	Solarvest Holdings Berhad (AGM)	<p>Pada tahun kewangan berakhir 2023, Kumpulan mencatatkan pendapatan berjumlah RM365.5 juta, mewakili peningkatan 107.9% tahun ke tahun berbanding RM175.8 juta pada tahun sebelumnya.</p> <p>Ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh peningkatan dalam pengiktirafan kemajuan pembinaan projek solar berskala besar 4 (large scale solar 4, LSS4).</p> <p>Untung bersihnya melonjak kepada RM19.7 juta pada tahun kewangan berakhir 2023, menunjukkan</p>

		pertumbuhan 185.5% berbanding RM6.9 juta yang dicatatkan pada tahun kewangan berakhir 2022. Inilah prestasi kewangan terbaik Solarvest setakat ini.
30.08.23 (Rabu) 11.00 pagi	Xin Hwa Holdings Berhad (AGM)	Kumpulan mencapai pertumbuhan pendapatan sebanyak 12.2% tahun ke tahun kepada RM118.3 juta daripada RM105.4 juta pada tahun kewangan 2022. Ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh pendapatan yang julung-julung kalinya diperoleh daripada perniagaan pengilangan Kumpulan serta bahagian pengilangan dan pembikinan treler. Bagaimanapun, Kumpulan mencatatkan kerugian bersih sebanyak RM15.7 juta berikutan peningkatan kos pembiayaan, susut nilai serta perbelanjaan operasi dan pentadbiran.
30.08.23 (Rabu) 11.00 pagi	Matrix Concepts Holdings Berhad (AGM)	Pada tahun kewangan 2023, Matrix mencatatkan prestasi barisan atas yang kukuh dengan pertumbuhan pendapatan sebanyak 24.7% kepada RM1.11 bilion. Ini adalah kerana tiada lagi sekatan berkaitan COVID-19 yang menggugat dan menghalang operasi untuk dilaksanakan pada tahap yang optimum. Bersandarkan pengiktirafan pendapatan yang lebih kukuh serta strategi rasionalisasi kos yang berterusan, Matrix mencatatkan pendapatan yang lebih baik dalam tahun kewangan 2023 dengan PBT sebanyak RM260.7 juta. Sementara itu, untung bersihnya meningkat sedikit, berjumlah RM202.8 juta.
30.08.23 (Rabu) 02.30 petang	WCE Holdings Berhad (AGM)	Pendapatan WCE menurun kepada RM506.8 juta pada tahun kewangan 2023 berbanding RM606.9 juta pada tahun kewangan sebelumnya, memandangkan kemajuan pengambilan tanah sudah berada di penghujungnya. Kumpulan mencatatkan PBT sebanyak RM68.0 juta berbanding rugi sebelum cukai (<i>loss before tax, LBT</i>) berjumlah RM139.3 juta pada tahun kewangan sebelumnya.

		<p>Keuntungan ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh keuntungan daripada penjualan pelaburan dalam syarikat bersekutu berjumlah RM208.0 juta dalam tahun kewangan yang ditinjau.</p>
01.09.23 (Jumaat) 11.00 pagi	FCW Holdings Berhad (AGM)	<p>Pendapatan FCW menyusut 25% kepada RM21.62 juta dalam tempoh kewangan berakhir 2023, daripada RM28.86 juta pada tahun sebelumnya. Pendapatan yang lebih rendah ini menyebabkan PBTnya menyusut 16% kepada RM21.04 juta daripada RM25.12 juta pada tahun kewangan sebelumnya.</p> <p>Penurunan dalam pendapatan dan keuntungan ini boleh dikaitkan dengan perubahan terhadap akhir tahun fiskal FCW, yang diubah dari 30 Jun kepada 31 Mac (iaitu tempoh 9 bulan berbanding 12 bulan).</p>

Perkara penting untuk diketengahkan:	
Syarikat	Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan
Tiong Nam Logistics Holdings Berhad (AGM)	<p>Penghutang dagangan dan kredit aset kontrak Kumpulan yang terjejas yang sudah mele过si tempoh melebihi 90 hari meningkat kepada RM9.5 juta pada tahun kewangan berakhir 2023 daripada RM8.5 juta pada tahun kewangan berakhir 2022. (Halaman 142-143, Laporan Tahunan 2023).</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Melihat jumlah tertunggak yang meningkat, apakah kesukaran yang dihadapi oleh Kumpulan untuk mengutip penghutang dagangan yang melebihi tempoh melebihi 90 hari? b) Siapakah pelanggan yang terangkum dalam kategori ini (lampaui tempoh 90 hari) daripada penghutang dagangan Kumpulan pada tahun kewangan berakhir 2023 dan apakah profil mereka? c) Setakat ini, berapakah jumlah tertunggak yang sudah berjaya dikutip?
PCCS Group Berhad (AGM)	<p>Era keuntungan durian runtuh yang diperoleh daripada Bahagian Pakaian bakal berakhir berikutan persaingan yang semakin sengit, yang menyebabkan berlaku penurunan harga. Selain itu, terdapat peningkatan kos buruh yang dikaitkan dengan trend ini (Halaman 30, Laporan Tahunan 2023).</p> <p>Meskipun persaingan semakin sengit dan dinamik pasaran kian berubah, adakah Kumpulan terus berpandangan positif terhadap potensi Bahagian Pakaian? Jika ya, bagaimanakah</p>

	Kumpulan merancang untuk menyusun strategi bagi meningkatkan keuntungan pada tahun akan datang?												
Minetech Resources Berhad (AGM)	<p>Pada 31 Mac 2023, Kumpulan mempunyai penghutang dagangan berjumlah RM38.77 juta (tahun kewangan 2022: RM24.61 juta) yang telah lewat tempoh tetapi tidak dirosot nilai pada akhir tahun kewangan 2023. (Halaman 139, Laporan Tahunan 2023).</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Berapakah bahagian daripada penghutang dagangan yang sudah lewat tempoh ini berpunca daripada pihak berkaitan dan/ atau pelanggan utama? b) Berapa lamakah penghutang dagangan tersebut sudah tertunggak? c) Setakat ini, berapakah jumlah penghutang dagangan itu sudah berjaya dikutip? 												
Dominant Enterprise Berhad (AGM)	<p><u>Prestasi Kewangan</u></p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Mac</th> <th>TK2019</th> <th>TK2020</th> <th>TK2021</th> <th>TK2022</th> <th>TK2023</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Untung Sebelum Cukai (PBT) (RM'000)</td> <td>35,310</td> <td>20,240</td> <td>20,760</td> <td>45,651</td> <td>12,761</td> </tr> </tbody> </table> <p>TK – Tahun kewangan (Sumber: Halaman 12, Laporan Tahunan 2023)</p> <p>Pada tahun kewangan 2023, Dominant mencatatkan untung sebelum cukai (PBT) sebanyak RM12,761,000 berbanding PBT sebanyak RM45,651,000 pada tahun kewangan 2022. Selepas ditolak pampasan insurans bersih (dalam Pendapatan operasi lain) berjumlah kira-kira RM10,600,000 yang diiktiraf pada tahun kewangan 2022, PBT tahun kewangan 2023 merudum kira-kira RM22,290,000 atau 63.60% berdasarkan perbandingan tahun ke tahun. Secara amnya, PBT bagi tahun kewangan 2023 juga merupakan yang terendah sejak tahun kewangan 2019.</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Bagaimanakah Lembaga Pengarah merancang untuk memperbaiki prestasi PBT Kumpulan pada masa hadapan? b) Dominant berdepan landskap perniagaan yang mencabar pada tahun kewangan 2023 (Halaman 12, Laporan Tahunan 2023). Adakah Lembaga Pengarah menjangkakan cabaran ini akan berlarutan pada tahun kewangan 2024? Apakah prospek prestasi kewangan Kumpulan pada tahun kewangan 2024? 	Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Mac	TK2019	TK2020	TK2021	TK2022	TK2023	Untung Sebelum Cukai (PBT) (RM'000)	35,310	20,240	20,760	45,651	12,761
Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Mac	TK2019	TK2020	TK2021	TK2022	TK2023								
Untung Sebelum Cukai (PBT) (RM'000)	35,310	20,240	20,760	45,651	12,761								
YLI Holdings Berhad (AGM)	Pada tahun dalam tinjauan, Kumpulan mencatatkan kerugian kasar berjumlah RM835,000 (tahun kewangan 2022: Untung kasar sebanyak RM4,332,000) apabila kos jualan mengatasi pendapatan. Selain pendapatan yang lebih rendah tahun ke tahun, peningkatan berterusan dalam kos bahan mentah dan												

	<p>utiliti juga merupakan penyumbang utama kepada kerugian kasar yang dicatatkan pada tahun kewangan 2023 (Halaman 17 dan Halaman 50, Laporan Tahunan 2023).</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Apakah alasan Kumpulan menjual di bawah kos jualan? Adakah Kumpulan dapat menyalurkan kos bahan mentah dan utiliti yang semakin meningkat kepada pelanggan pada tahun kewangan 2023? b) Apakah tindakan drastik yang diambil oleh Lembaga Pengarah untuk menangani isu di atas? c) Adakah Kumpulan dapat mencapai untung kasar pada tahun kewangan 2023? Jika tidak, apakah sebabnya?
MMAG Holdings Berhad (AGM)	<p>Kumpulan mengalami kerugian bersih sebanyak RM89.4 juta dan pada 31 Mac 2023, jumlah liabiliti semasa melebihi aset semasa sebanyak RM56.9 juta. Lembaga Pengarah percaya kesinambungan Kumpulan bergantung pada penggunaan dana daripada cadangan terbitan saham, kemudahan kredit dan kejayaan operasi mudah alih, pemenuhan dan logistik. Kegagalannya boleh menghalang realisasi aset dan penyelesaian liabiliti. Daya maju Kumpulan bergantung pada pelaksanaan perancangan ini (Halaman 50, Laporan Tahunan 2023).</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Selain mengembangkan bahagian Perkhidmatan Kurier dan Logistik, bagaimanakah Kumpulan merancang untuk menggunakan hasil daripada penerbitan hak yang dicadangkan untuk menangani cabaran kewangan semasa serta menambah baik status Kumpulan sebagai usaha berterusan? b) Apakah perancangan Kumpulan untuk memastikan kejayaan penggunaan kemudahan kredit ini bagi menyokong keupayaan Kumpulan untuk meneruskan operasinya sebagai usaha berterusan? c) Memandangkan sektor Mudah Alih dan Pemenuhan serta Perkhidmatan Kurier dan Logistik ini mempunyai sifat daya saing yang tinggi, bagaimanakah Kumpulan mentakrifkan dan menentukan kejayaan operasinya dalam industri ini?
Power Root Berhad (AGM)	<p>Bagi tahun kewangan 2023, Kumpulan mencatatkan pertumbuhan pendapatan sebanyak 31% kepada RM455.8 juta disebabkan pelbagai faktor termasuk jualan tempatan yang lebih tinggi serta semakan harga jualan produk. (Halaman 25, Laporan Tahunan 2023)</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Sudah berapa kali Kumpulan menaikkan harga jualan produknya pada tahun kewangan 2023? Berapakah peratus peningkatan mengikut kategori produk? b) Adakah Kumpulan akan membuat pelarasan harga jualan pada tahun kewangan 2024?

	<p>c) Apakah sasaran pertumbuhan pendapatan Kumpulan bagi tahun kewangan 2024? Dari manakah jangkaan sumber pertumbuhan ini?</p> <p>d) Adakah terdapat sebarang arah aliran pasaran atau kecenderungan tertentu di pihak pengguna yang digunakan oleh Kumpulan?</p> <p>e) Berapakah perbelanjaan modal yang dibajetkan bagi tahun kewangan 2024 dan apakah pecahannya?</p>
Resintech Berhad (AGM)	<p>Walaupun mencatatkan pendapatan tertinggi dalam sejarah sebanyak RM89.98 juta pada tahun kewangan 2023 (tahun kewangan 2022: RM80.59 juta), untung bersih Resintecherosot mendadak sebanyak 80.4% tahun ke tahun kepada RM1 juta berbanding RM5.11 juta pada tahun sebelumnya.</p> <p>a) Keuntungan yangerosot sebahagian besarnya disebabkan oleh lonjakan yang ketara dalam kos jualan iaitu RM77.27 juta (tahun kewangan 2022: RM63.7 juta), yang berpunca daripada peningkatan kos pengilangan dan operasi, contohnya, utiliti, bahan dan kos kewangan.</p> <p>Adakah tekanan kos menjadi sederhana pada tahun kewangan 2024? Adakah Resintech menjangkakan untuk mengalami pengeciran margin yang serupa pada tahun kewangan 2024?</p> <p>b) Sejauh manakah Kumpulan dapat menyalurkan peningkatan kos kepada pelanggan? Adakah Kumpulan akan melaksanakan langkah-langkah pengurangan kos yang lebih drastik bagi mengekalkan margin keuntungannya?</p>
Harvest Miracle Capital Berhad (AGM)	<p>Terdapat peningkatan ketara dalam kerugian rosot nilai ke atas pelaburan dalam anak syarikat sebanyak RM7.2 juta pada tahun kewangan berakhir 2023 (berbanding RM1.0 juta pada tahun kewangan berakhir 2022) (Halaman 61, Laporan Tahunan 2023).</p> <p>a) Anak syarikat manakah yang dikaitkan dengan kerugian rosot nilai ini? Apakah yang menyebabkan kerugian rosot nilai yang besar dalam tahun kewangan berakhir 2023?</p> <p>b) Apakah langkah yang diambil oleh Kumpulan untuk memastikan kerugian rosot nilai ke atas pelaburan dalam anak syarikat tidak terus meningkat?</p>
Ajinomoto (M) Berhad (AGM)	Kumpulan mencatatkan keuntungan sebelum cukai berjumlah RM15.9 juta pada tahun kewangan 2023 berbanding RM24.3 juta pada tahun kewangan sebelumnya. Penurunan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh kenaikan harga bahan mentah, kos penyelenggaraan perkakasan dan perisian komputer serta kos peralihan daripada pemindahan kilang ke kilang baharu Syarikat di Bandar Enstek (Halaman 7, Laporan Tahunan 2023).

	<p>Bahan mentah dan bahan pembungkusan yang digunakan meningkat 34.4% daripada RM250.89 juta pada tahun kewangan 2022 kepada RM337.32 juta pada tahun kewangan 2023 (Halaman 47, Laporan Tahunan 2023).</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Apakah trend harga bagi bahan mentah utama Syarikat, khususnya yang digunakan untuk AJI-NO-MOTO? Adakah Syarikat dapat menyalurkan kenaikan kosnya kepada pelanggan demi mengurangkan kesan kenaikan kos bahan mentah dan bahan pembungkusan? b) Berapakah kos penyelenggaraan perkakasan dan perisian komputer tahunan? Adakah kos ini berkaitan dengan kilang baru di Bandar Enstek? Berapakah kos penyelenggaraan yang dijangka pada masa hadapan? c) Berapakah jumlah kapasiti pengeluaran Syarikat sebelum dan selepas penyiapan kilang baharunya di Bandar Enstek? Apakah kadar penggunaan semasa kilang baharu itu?
Powerwell Holdings Berhad (AGM)	<p>Kumpulan membuat pelaburan yang besar dalam mesin dan peralatan baharu untuk meningkatkan kecekapan pengeluaran dan mengurangkan kos. Ini termasuk memperoleh tiga mesin AMADA iaitu mesin laser, penebuk dan pelentur dengan kos keseluruhan RM5.4 juta. Mesin-mesin ini telah meningkatkan kapasiti pengeluaran dengan ketara, meningkatkan kelajuan operasi serta mengurangkan pembaziran, sekaligus meningkatkan kecekapan secara keseluruhan. (Halaman 20, Laporan Tahunan 2023)</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Berapakah jumlah perbelanjaan modal Kumpulan pada tahun kewangan 2023? b) Apakah kadar penggunaan purata Kumpulan pada tahun kewangan 2023? c) Berapakah kapasiti tambahan daripada mesin baharu ini? d) Berapakah perbelanjaan modal yang dibajetkan bagi tahun kewangan 2024 dan apakah pecahannya?
IJM Corporation Berhad (AGM)	<p>Penggearan bersih menyusut dengan ketara daripada kira-kira 50% sebelum pelupusan IJM Plantations kepada 25.8% pada 31 Mac 2023, ditambah pula dengan aliran tunai yang kukuh iaitu aliran tunai operasi bersih melebihi RM1 bilion sejak empat tahun yang lalu. Justeru, Kumpulan menumpukan usahanya ke arah meningkatkan perniagaan teras yang sedia ada, serta meneroka pasaran geografi baharu dan perniagaan vertikal* terdekat (*yang menyediakan perkhidmatan dan produk khusus kepada khalayak tertentu dalam niche tertentu) bagi meluaskan sumber pendapatannya (Halaman 67, Laporan Tahunan 2023).</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Pasaran geografi baharu manakah yang menjadi perhatian Kumpulan?

	<p>b) Dengan penggearan bersih yang lebih rendah serta aliran tunai yang kukuh, adakah Lembaga Pengarah berhasrat untuk meningkatkan nisbah pembayaran dividen berbanding pembayaran dividen sebelum ini iaitu sebelum pelupusan bahagian perladangan?</p>
ACME Holdings Berhad (AGM)	<p>Kumpulan merekodkan pendapatan lain iaitu pampasan yang diterima untuk ganti rugi jumlah tertentu (<i>liquidated ascertained damages</i>, LAD) sebanyak RM2,610,000 pada tahun kewangan 2023. Jumlah ini tiada pada tahun kewangan 2022. (Halaman 99, Laporan Tahunan)</p> <p>LAD tersebut diterima daripada Pelana Tenggara Sdn. Bhd., ("Pelana Tenggara"), yang mana pemegang saham utama Pelana Tenggara ialah ahli keluarga terdekat pemegang saham utama Syarikat. (Halaman 107, Laporan Tahunan)</p> <p>a) Siapakah pemegang saham utama syarikat yang berkaitan dengan Pelana Tenggara?</p> <p>b) Projek hartaanah Syarikat yang manakah yang dikaitkan dengan LAD ini?</p> <p>c) Adakah Kumpulan perlu membayar sebarang LAD kepada pembeli rumah baharunya berikutan projek hartaanah yang lewat disiapkan oleh Pelana Tenggara? Jika ya, berapakah jumlah yang dibayar?</p> <p>d) Mengapa Syarikat masih melantik Pelana Tenggara sebagai subkontraktor bagi projek-projek Syarikat memandangkan mereka telah pun membayar deposit sebanyak RM2,817,879 kepada Pelana? Ini adalah kerana Pelana mempunyai rekod tidak menyiapkan projek hartaanah yang diberikan dalam tempoh masa yang dipersebutui dan telah membayar LAD kepada Syarikat? (Halaman 108, Laporan Tahunan)</p> <p>e) Apakah langkah yang diambil oleh Kumpulan untuk memastikan Pelana Tenggara akan menyiapkan kerja-kerja pembinaan projek hartaanah Syarikat yang telah dianugerahkan oleh Syarikat dalam tempoh yang ditetapkan?</p>
Joe Holdings Berhad (AGM)	<p>1. Perbelanjaan pentadbiran meningkat dengan ketara kepada RM15.2 juta (tahun kewangan berakhir 2022: RM5.2 juta), hampir dua kali ganda berbanding tahun lepas. (Halaman 53, Laporan Tahunan 2023)</p> <p>Apakah yang menyebabkan lonjakan besar dalam perbelanjaan pentadbiran? Apakah yang terangkum dalam perbelanjaan pentadbiran?</p> <p>2. Berdasarkan surat jawapan daripada Joe yang bertarikh 13 September 2022 kepada soalan (6) yang dibangkitkan oleh MSWG dalam AGM sebelum ini, adakah Kumpulan telah</p>

	menerima baki RM5.08 juta wang deposit boleh dikembalikan daripada Syarikat A?
SDS Group Berhad (AGM)	<p>Pandemik yang melanda telah membuka ruang kepada SDS untuk menyelaraskan semula strategi segmen borongnya. Keputusan perniagaan utama yang melibatkan pusat pengedaran baharu, pelebaran penawaran produk, penetapan harga, pengembangan dalam saiz armada serta perancangan jualan dan pengurusan laluan semuanya telah dilaksanakan. Kesemua ini telah menyumbang kepada prestasi pendapatan yang lebih baik. (Halaman 17, Laporan Tahunan 2023)</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Berapakah jumlah pusat pengedaran baharu yang dirancang untuk dibuka pada tahun kewangan 2024? b) Apakah saiz armada penghantaran syarikat pada akhir tahun kewangan 2023 berbanding akhir tahun kewangan 2022? c) Berapakah jumlah kapasiti pengeluaran dan kadar penggunaan purata bagi kilang pembuatan syarikat di Seremban dan Kempas pada tahun kewangan 2023? d) Bagaimanakah prospek segmen borong dalam tempoh 12 bulan akan datang?
Mytech Group Berhad (AGM)	<p><u>Segmen/ Bahagian Pengilangan</u></p> <p>Pada tahun dalam tinjauan, bahagian ini mengalami penyusutan pesanan daripada beberapa pelanggan utama disebabkan permintaan yang lebih rendah terhadap barang mereka, selain lebihan stok daripada pesanan terdahulu (Halaman 6, Laporan Tahunan 2023).</p> <p>Segmen ini mencatatkan pendapatan berjumlah RM8,227,455 (tahun kewangan 2022: RM10,011,492), dan keuntungan berjumlah RM889,340 (tahun kewangan 2022: RM1,755,583). Angka-angka ini mewakili penurunan tahun ke tahun dalam pendapatan dan keuntungan segmen (Halaman 99-100, Laporan Tahunan 2023).</p> <p>Bidang tumpuan utama Kumpulan bagi segmen pengilangan adalah untuk melabur dalam jentera baharu dengan teknologi terkini untuk mengukuhkan lagi bahagian pasarannya kepada pelbagai reka bentuk pelanggan serta mengekalkan kecemerlangan kualiti produknya (Halaman 7, Laporan Tahunan 2023).</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Bagaimanakah perancangan Lembaga Pengarah untuk menangani prestasi kewangan segmen ini? b) Adakah isu pesanan yang berkurangan yang dinyatakan di atas dijangka berterusan pada tahun kewangan 2024? Jika ya, apakah strategi Lembaga Pengarah untuk menangani masalah ini?

	<p>c) Berapakah jumlah dana yang telah diperuntukkan untuk pelaburan dalam jentera baharu dengan teknologi terkini? Berapakah bajet yang diperlukan untuk pelaburan ini dalam dua tahun kewangan akan datang?</p> <p>d) Apakah kadar penggunaan kapasiti semasa dan yang dijangka untuk kilang Segmen pada tahun kewangan 2024?</p>
YGL Convergence Berhad (AGM)	<p>Segmen pelaksanaan perisian mencatatkan rugi bersih berjumlah RM0.86 juta pada tahun kewangan 2023 (tahun kewangan 2022: RM0.16 juta) berikutan pendapatan yang menyusut sebanyak 6.3% kepada RM5.23 juta. YGL melaburkan RM1.04 juta dalam perbelanjaan penyelidikan dan pembangunan (<i>research and development, R&D</i>) pada tahun kewangan 2023 berbanding RM1.31 juta pada tahun kewangan 2022. (Halaman 17, Laporan Tahunan 2023)</p> <p>a) Apakah yang menyebabkan penurunan pendapatan dalam tahun kewangan 2023?</p> <p>b) Apakah bil semasa untuk segmen pelaksanaan perisian?</p> <p>c) Apakah prospek bagi tahun kewangan 2024?</p> <p>d) Berapakah perbelanjaan penyelidikan dan pembangunan yang dibajetkan bagi tahun kewangan 2024?</p>
ATA IMS Berhad (AGM)	<p>Sebagai tindak balas terhadap perubahan landskap, ATA telah terus melaksanakan langkah pengecilan dan pengurangan kos sejak akhir tahun kewangan sebelum ini. Langkah-langkah ini merangkumi pengurangan kapasiti pengeluaran, melepaskan lebihan aset, menghentikan operasi kilang yang disewa, mengoptimumkan tenaga kerja dan pemegangan stok serta melaksanakan penugasan semula kakitangan untuk meningkatkan kecekapan (Halaman 6, Laporan Tahunan 2023).</p> <p>a) Adakah ATA merancang untuk melaksanakan langkah tambahan atau yang lebih signifikan pada tahun kewangan 2024? Jika ada, sila berikan butiran lanjut.</p> <p>b) Apakah kapasiti pengeluaran dan kadar penggunaan semasa ATA?</p> <p>c) Melihat pengecilan saiz dan pengurangan kapasiti pengeluaran, sejauh manakah ATA bersedia untuk mengurus pesanan baharu jika syarikat mendapat pelanggan penting (seperti Dyson sebelum ini)? Apakah jangka masa yang dianggarkan untuk ATA meningkatkan kapasiti pengeluarannya bagi menampung satu pelanggan baharu yang besar, jika ia berjaya diperoleh?</p>
Kumpulan Fima Berhad (AGM)	4,375 hektar ladang kelapa sawit Kumpulan mempunyai profil usia melebihi 19 tahun, lonjakan ketara daripada 2,200 hektar pada tahun sebelumnya. Kumpulan tidak menjalankan sebarang penanaman semula sejak 5 tahun yang lalu. Adakah Kumpulan merancang untuk menjalankan penanaman semula pada masa

	hadapan? Jika ya, berapakah keluasan ladang yang akan ditanam semula dan berapakah amaun yang dibajetkan untuk melaksanakan penanaman semula?
Green Packet Berhad (AGM)	<p>Dalam menilai kecukupan dan keberkesanan sistem kawalan dalaman serta prosedur kawalan kewangan Kumpulan, Jawatankuasa Audit (Audit Committee, AC) melaporkan kepada Lembaga Pengarah mengenai aktivitinya, penemuan audit penting serta cadangan atau tindakan yang perlu diambil oleh Pengurusan untuk membetulkan isu tersebut. Yuran audit yang ditanggung oleh Kumpulan bagi tempoh kewangan berakhir 31 Mac 2023 ialah RM12,000 (Halaman 59, Laporan Tahunan 2023)</p> <p>Melihat yuran audit dalam yang begitu rendah (RM1,000 sebulan), bagaimanakah Jawatankuasa Audit mendapatkan jaminan bahawa terdapat perlindungan yang mencukupi dan fungsi audit yang berkesan? Apakah bidang liputan audit untuk tahun kewangan dalam tinjauan? Berapakah pula jumlah laporan audit yang dikeluarkan dalam tahun kewangan itu?</p>
Auro Holdings Berhad (AGM)	<p>Pada tahun kewangan berakhir 2023, Auro sekali lagi merekodkan rugi kasar sebanyak RM2,312,987 (tahun kewangan berakhir 2022: rugi kasar RM2,907,358) apabila kos jualannya iaitu RM4,940,3086 jauh lebih tinggi daripada pendapatan yang berjumlah RM2,627,321 (Halaman 41, Laporan Tahunan 2023).</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Mengapakah Kumpulan sekali lagi menanggung kerugian kasar pada tahun kewangan berakhir 2023? Apakah yang menyebabkan kos jualan jauh lebih tinggi daripada pendapatan? b) Apakah tindakan yang diambil oleh Lembaga Pengarah untuk menangani isu di atas? Bilakah Kumpulan menjangkakan perniagaannya dapat mencatatkan keuntungan kasar?
QL Resources Berhad (AGM)	<p>Secara keseluruhan, tonggak perniagaan Marine Products Manufacturing ('MPM') bakal berdepan kos operasi yang lebih tinggi akibat peningkatan harga buruh dan bahan api dengan tekanan tambahan daripada surcaj elektrik yang berkuat kuasa pada Januari 2023 di Malaysia. (Halaman 19, Laporan Tahunan 2023)</p> <p>Memandangkan MPM akan menghadapi kos operasi yang lebih tinggi daripada peningkatan harga buruh dan bahan api, adakah Kumpulan menaikkan harga produk berdasarkan marinnya sejak Januari 2023? Atau adakah terdapat perancangan untuk menaikkan harga produk pada masa hadapan dengan menyalurkan peningkatan kos kepada pelanggan? Jika ya, berapakah kenaikannya dari segi peratus?</p>
Panasonic Manufacturing Malaysia Berhad (AGM)	Syarikat sedang meluaskan penawaran perniagaan terasnya secara strategik melalui produk baharu dan pasaran eksport, pada masa yang sama giat mengejar pelaburan perniagaan baharu, sebagai tindak balas terhadap sumbangan kerugian

	<p>daripada penamatan segmen periuk nasi dan peralatan dapur kecil (Halaman 6, Laporan Tahunan 2023).</p> <p>Apakah garis masa atau sasaran yang dijangkakan oleh Syarikat untuk memulihkan pendapatan yang hilang akibat penamatan segmen periuk nasi dan peralatan dapur kecil?</p>
Solarvest Holdings Berhad (AGM)	<p>“Matlamat kami adalah untuk memacu penggunaan PowerBee dengan memasang 10,000 pengecas kenderaan elektrik (electric vehicles, EV) di seluruh Malaysia menjelang 2030, justeru mewujudkan infrastruktur pengecasan yang teguh di seluruh negara” (Halaman 31, Laporan Tahunan 2023).</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Berapakah bilangan pengecas EV yang telah dipasang oleh kumpulan pada akhir tahun kewangan 2023? b) Berapakah bilangan pengecas EV yang disasarkan untuk dipasang pada tahun kewangan 2024 dan berapakah perbelanjaan modal yang diperuntukkan? c) Bilakah Lembaga Pengarah menjangkakan perniagaan pengecasan EV akan mula menyumbang secara positif kepada pendapatan kumpulan?
Xin Hwa Holdings Berhad (AGM)	<p>Subsektor pengangkutan dan penyimpanan dijangka mengalami kadar pertumbuhan yang perlahan berbanding tahun sebelumnya, terutamanya disebabkan oleh pertumbuhan kukuh yang telah dicapai pada tahun 2022. Namun begitu, unjurannya masih menunjukkan pengembangan yang membanggakan sebanyak 7.0% pada 2023, seperti yang diramalkan oleh Kementerian Kewangan. Pecutan projek infrastruktur berfungsi sebagai dorongan positif untuk industri ini. (Halaman 13, Laporan Tahunan 2023).</p> <p>Pada tahun kewangan 2023, Kumpulan melaporkan kerugian selepas cukai yang boleh diagihkan kepada pemilik syarikat sebanyak RM16.1 juta berikutan prestasi garis bawahnya yang terjejas akibat peningkatan kos pembiayaan, susut nilai, perbelanjaan operasi dan pentadbiran, tambahan rosot nilai ke atas penghutang dagangan serta rosot nilai hartanah, loji dan peralatan anak syarikat Indonesia.</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Dengan unjuran pertumbuhan 7.0% untuk subsektor pengangkutan dan penyimpanan, adakah Lembaga Pengarah menjangkakan peningkatan dalam prestasi kewangan Kumpulan atau mungkin kembali menjana keuntungan pada tahun kewangan 2024? b) Apakah yang menyebabkan rosot nilai bersih ke atas penghutang dagangan sebanyak RM3.339 juta?
Matrix Concepts Holdings Berhad (AGM)	<p>Demi memperkuuh strategi pertumbuhan jangka panjang Kumpulan, Matrix telah memeterai Perjanjian Jual Beli untuk memperoleh tanah berkeluasan 1,382 ekar di Negeri Sembilan yang dijangka siap pada tahun 2024. (Halaman 31, Laporan Tahunan Bersepadu)</p>

	<ul style="list-style-type: none"> a) Bagaimanakah Syarikat merancang untuk membiayai pemerolehan yang berjumlah RM460 juta itu? b) Apakah nisbah penggearan bersih yang diunjurkan oleh Kumpulan jika pengambilalihan tanah itu dibiayai secara hutang? c) Berapakah jangkaan Nilai Pembangunan Kasar bagi tanah yang diambil alih? d) Adakah terdapat sebarang kelewatan pada tarikh untuk memuktamadkan pemerolehan ini? Jika ada, bilakah tarikh yang baharu?
WCE Holdings Berhad (AGM)	Pada AGM Syarikat yang ke-21, Lembaga Pengarah menjangka pemilikan penuh tapak untuk projek Lebuhraya Pantai Barat (West Coast Expressway, WCE) adalah menjelang akhir tahun 2022. Apakah status semasa pengambilan tanah tersebut? Bilakah pengambilan tanah itu dijangka siap sepenuhnya?
FCW Holdings Berhad (AGM)	<p>FCW sedang mengembangkan kapasiti dan kecekapan pengeluarannya dengan melabur dalam mesin automatik seperti mesin pengisi jenis tampal automatik 8 muncung dan mesin pembungkus cecair automatik. Pelaburan dalam peralatan dan mesin baharu akan membolehkan FCW menawarkan produk dan perkhidmatan baharu kepada pelanggan dan pasaran baharu (Halaman 17, Laporan Tahunan 2023).</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Berapakah jumlah dana yang telah dibelanjakan dan yang akan dibelanjakan untuk pelaburan dalam jentera dalam dua tahun kewangan akan datang? b) Apakah kapasiti pengeluaran semasa dan kapasiti pengembangan yang disasarkan dalam dua tahun kewangan akan datang? c) Apakah kadar penggunaan kapasiti semasa dan yang dijangka untuk kilang-kilang Kumpulan pada tahun kewangan 2024? d) Apakah jenis produk baharu yang ingin ditawarkan oleh FCW kepada pelanggan dan pasaran baharu? Bilakah FCW menjangkakan produk baharu ini bersedia untuk pasaran yang disasarkan?

PEMANTAUAN KORPORAT MSWG

Devanesan Evanson, Ketua Pegawai Eksekutif, (devanesan@mswg.org.my)

Rita Foo, Ketua, Pemantauan Korporat, (rita.foo@mswg.org.my)

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, (norhisam@mswg.org.my)

Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, (chee.meng@mswg.org.my)

Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, (elaine.choo@mswg.org.my)

Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, (cianyai@mswg.org.my)

Ooi Beng Hooi, Pengurus, Pemantauan Korporat, (ooi.benghooi@mswg.org.my)

Jackson Tan, Pengurus, Pemantauan Korporat, (jackson@mswg.org.my)

Clint Loh, Pengurus, Pemantauan Korporat, (clint.loh@mswg.org.my)
Nur Amirah Amirudin, Pengurus, Pemantauan Korporat, (nuramirah@mswg.org.my)

PENDEDAHAN KEPENTINGAN

- Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.
-

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.